

JADUAL J

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 10(1))

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG (PINJAMAN TANPA CAGARAN)

SUATU PERJANJIAN diperbuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini di antara pemberi pinjam wang yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual Pertama (“Pemberi Pinjam”) sebagai satu pihak dan peminjam yang dinyatakan dalam seksyen 3 Jadual Pertama (“Peminjam”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pemberi Pinjam adalah seorang pemberi pinjam wang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada Peminjam dan Peminjam bersetuju untuk meminjam daripada Pemberi Pinjam bagi maksud Perjanjian ini suatu jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen 4 Jadual Pertama (“Jumlah Wang Pokok”).

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

Bayaran balik ansuran

1. Bayaran balik ansuran dalam Perjanjian ini hendaklah genap masa dan kena dibayar tanpa dituntut yang bayaran balik ansuran pertama hendaklah dibuat pada (tarikh bayaran balik yang pertama) dan selepas itu padasetiap dan tiap-tiap bulan yang berikutnya sehingga tamatbulan tersebut dari tarikh bayaran ansuran pertama tersebut.

Keingkaran

2. (1) Jika keingkaran dilakukan dalam bayaran balik pada tarikh genap akan mana-mana jumlah bayaran balik yang kena dibayar kepada Pemberi Pinjam di bawah Perjanjian ini, sama ada berkenaan dengan wang pokok atau faedah, maka Pemberi Pinjam adalah berhak untuk mengenakan faedah ringan ke atas jumlah wang ansuran

yang tidak dibayar itu yang hendaklah dikira pada kadar lapan peratus setahun dari hari ke hari dari tarikh keingkaran bayaran balik jumlah wang ansuran itu sehingga jumlah wang ansuran itu dijelaskan, dan apa-apa faedah yang dikenakan tidak boleh dikira bagi maksud Perjanjian ini sebagai sebahagian daripada faedah yang dikenakan berkenaan dengan pinjaman.

(2) Faedah hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

iaitu,

R mewakili jumlah wang faedah yang hendaklah dibayar.

D mewakili bilangan hari keingkaran.

S mewakili jumlah wang ansuran bulanan yang genap tempoh.

Hak tindakan

3. (1) Jika Peminjam –

(a) tidak membayar balik apa-apa jumlah wang ansuran yang kena dibayar atau apa-apa jumlah daripada wang ansuran itu dan mana-mana faedah yang kena dibayar di bawah seksyen 5 Jadual Pertama bagi apa-apa tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari selepas tarikh genapnya; atau

(b) melakukan perbuatan kebangkrapan atau memasuki mana-mana komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau, sebagai syarikat, memasuki penyelesaian likuidasi, sama ada secara paksa atau sukarela,

maka Pemberi Pinjam boleh menamatkan Perjanjian ini.

(2) Apabila berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subklausula (1), Pemberi Pinjam hendaklah memberi Peminjam notis secara bertulis tidak kurang daripada empat belas hari supaya menganggapkan Perjanjian ini sebagai telah ditolak

oleh Peminjam dan melainkan dalam sementara itu keingkaran itu dibetulkan atau jumlah wang ansuran yang belum dibayar dan faedah itu dijelaskan, maka Perjanjian ini hendaklah apabila tamat tempoh notis tersebut, atas pilihan Pemberi Pinjam disifatkan sebagai terbatal.

(3) Sekiranya Perjanjian ini telah ditamatkan atau dibatalkan, maka Pemberi Pinjam boleh menuntut baki belum jelas daripada Peminjam mengikut peruntukan di bawah Perintah 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1990 [*P.U. (A) 97/90*] jika baki belum jelas itu tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau Perintah 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/80*] jika baki belum jelas itu lebih tinggi daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit.

Pematuhan undang-undang bertulis

4. Pemberi Pinjam hendaklah, berkenaan dengan perniagaan meminjamkan wang, mematuhi peruntukan dan kehendak Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang menyentuh perniagaan itu.

Duti setem dan fi pengakusaksian

5. Semua duti setem dan fi pengakusaksian yang dilakukan berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Peminjam.

Penyampaian dokumen

6. (1) Apa-apa notis, permintaan atau tuntutan yang dikehendaki disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi dalam Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi—

(a) jika ia dihantar oleh pihak itu atau peguam caranya melalui pos A.R berdaftar yang dialamatkan ke alamat pihak yang satu lagi seperti yang tersebut terdahulu daripada ini dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan sebagai telah diterima apabila tamatnya tempoh lima hari dari pengeposan surat berdaftar

sedemikian; atau

(b) jika ia diberikan oleh pihak itu atau peguam caranya dengan tangan kepada pihak yang satu lagi atau peguam caranya.

(2) Apa-apa pertukaran mengenai alamat oleh mana-mana pihak hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang satu lagi.

Jadual

7. Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan hendaklah dibaca, diambil dan diertikan sebagai suatu bahagian yang perlu dalam Perjanjian ini.

Masa merupakan pati perjanjian

8. Masa hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini yang berhubungan dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

Orang-orang yang terikat kepada Perjanjian

9. Perjanjian ini hendaklah mengikat pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Pemberi Pinjam, waris, wakil peribadi, pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Peminjam.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun mula-mula bertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh Peminjam)
yang bernama di atas)
Nama:.....)
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:

DITANDATANGANI oleh)

Pemberi Pinjam yang bernama di atas)

Nama:.....)

No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:

Saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya telah menerangkan terma-terma Perjanjian ini kepada Peminjam dan saya mendapati bahawa Peminjam telah memahami sifat dan akibat Perjanjian ini.

.....

(Nama pengakusaksi)

(Peguam bela dan Peguam cara, pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Daerah, Jaksa Pendamai atau orang yang dilantik oleh Menteri)

JADUAL PERTAMA
(yang hendaklah dibaca dan diertikan sebagai suatu
bahagian penting Perjanjian ini)

No. Seksyen	Perkara	Butir-butir
1.	Hari dan tahun Perjanjian ini	
2.	Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat, No. Lesen dan alamat Pemberi Pinjam	
3.	Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat dan alamat Peminjam	
4.	Jumlah Wang Pokok ringgit (RM.....)
5.	Kadar faedah	Kadar faedah adalah peratus (..... %) setahun
6.	Jumlah wang setiap bayaran balik ansuran	
7.	Jumlah wang bagi bayaran balik ansuran	

JADUAL K

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 10(1))

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG (PINJAMAN BERCAGAR)

SUATU PERJANJIAN diperbuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam seksyen 1 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini di antara pemberi pinjam wang yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual Pertama (“Pemberi Pinjam”) sebagai satu pihak dan peminjam yang dinyatakan dalam seksyen 3 Jadual Pertama (“Peminjam”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pemberi Pinjam adalah seorang pemberi pinjam wang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada Peminjam dan Peminjam bersetuju untuk meminjam daripada Pemberi Pinjam bagi maksud Perjanjian ini suatu jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen 4 Jadual Pertama (“Jumlah Wang Pokok”).

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

Bayaran balik ansuran

1. Bayaran balik ansuran dalam Perjanjian ini hendaklah genap masa dan kena dibayar tanpa dituntut yang bayaran balik ansuran pertama hendaklah dibuat pada (tarikh bayaran balik yang pertama) dan selepas itu padasetiap dan tiap-tiap bulan yang berikutnya sehingga tamatbulan tersebut dari tarikh bayaran ansuran pertama tersebut.

Keingkaran

2. (1) Jika keingkaran dilakukan dalam bayaran balik pada tarikh genap akan mana-mana jumlah bayaran balik yang kena dibayar kepada Pemberi Pinjam di bawah Perjanjian ini, sama ada berkenaan dengan wang pokok atau faedah, maka Pemberi

Pinjam adalah berhak untuk mengenakan faedah ringan ke atas jumlah wang ansuran yang tidak dibayar itu yang hendaklah dikira pada kadar lapan peratus setahun dari hari ke hari dari tarikh keingkaran bayaran balik jumlah wang ansuran itu sehingga jumlah wang ansuran itu dijelaskan, dan apa-apa faedah yang dikenakan tidak boleh dikira bagi maksud Perjanjian ini sebagai sebahagian daripada faedah yang dikenakan berkenaan dengan pinjaman.

(3) Faedah hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

iaitu,

R mewakili jumlah wang faedah yang hendaklah dibayar.

D mewakili bilangan hari keingkaran.

S mewakili jumlah wang ansuran bulanan yang genap tempoh.

Cagaran

3. Sebagai balasan bagi Perjanjian ini Peminjam bersetuju untuk menyerahkan kepada Pemberi Pinjam cagaran yang dinyatakan dalam seksyen 11 Jadual Pertama (“Cagaran”) dan Cagaran itu hendaklah bagi sepanjang tempoh bayaran balik.

Tanggungjawab Pemberi Pinjam berkenaan dengan Cagaran

4. (1) Pemberi Pinjam hendaklah melakukan pemeliharaan dan usaha yang sama bagi menjaga Cagaran dalam jagaannya sebagaimana seorang pemunya berhemat akan lakukan dalam menjaga hartanya sendiri.

(2) Pemberi Pinjam adalah bertanggungjawab bagi kehilangan apa-apa Cagaran, sama ada kehilangan itu disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kecuaiian atau selainnya dan adalah juga bertanggungjawab bagi kerosakan Cagaran itu yang disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kecuaiian atau selainnya.

(3) Jika mana-mana Cagaran yang musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran, maka nilai Cagaran itu hendaklah, bagi maksud pampasan kepada Peminjam, dianggap sebagai satu perempat lebih daripada nilai Cagaran yang diserahkan itu.

(4) Pemberi Pinjam tidak boleh membebankan Cagaran itu bagi apa jua tujuan.

Hak tindakan

5. (1) Jika Peminjam –

(a) tidak membayar balik mana-mana jumlah wang ansuran yang kena dibayar atau mana-mana jumlah daripada wang ansuran itu dan mana-mana faedah yang kena dibayar yang dinyatakan dalam seksyen 5 Jadual Pertama bagi apa-apa tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari selepas tarikh genapnya; atau

(b) melakukan perbuatan kebangkrapan atau memasuki mana-mana komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau, sebagai syarikat, memasuki penyelesaian likuidasi, sama ada secara paksa atau sukarela,

maka Pemberi Pinjam boleh menamatkan Perjanjian ini.

(2) Apabila berlakunya mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subfasal (1), Pemberi Pinjam hendaklah memberi Peminjam notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari supaya menganggapkan Perjanjian ini sebagai telah ditolak oleh Peminjam dan melainkan dalam sementara itu keingkaran itu dibetulkan atau jumlah wang ansuran yang belum dibayar dan faedah itu dijelaskan, maka Perjanjian ini hendaklah apabila tamat tempoh notis tersebut, atas pilihan Pemberi Pinjam disifatkan sebagai terbatal.

(3) Sekiranya Perjanjian ini telah ditamatkan atau dibatalkan, maka Pemberi Pinjam hendaklah menuntut baki belum jelas daripada Peminjam mengikut peruntukan di bawah Perintah 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1990 [*P.U. (A) 97/1990*] jika

baki belum jelas itu tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau Perintah 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*] jika baki belum jelas itu lebih tinggi daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit.

(4) Walau apapun subfasal (3) di dalam ini, Pemberi Pinjam berhak untuk memperlakukan Cagaran itu bagi maksud menuntut baki belum jelas daripada Peminjam seperti yang berikut:

- (a) jika Cagaran itu adalah harta tak alih, maka harta itu hendaklah diperlakukan seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980; atau
- (b) jika Cagaran itu adalah harta alih, maka Pemberi Pinjam adalah bebas untuk melupuskan Cagaran itu melalui lelongan yang dikendalikan oleh pelelong berlesen.

(5) Pemberi Pinjam boleh menawar atau membeli Cagaran yang diserahkan kepadanya di lelongan itu dan atas pembelian itu dia hendaklah disifatkan sebagai pemilik yang sah Cagaran itu.

(6) Jika Cagaran itu dilelong, Pemberi Pinjam hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas lelongan itu, mengemukakan kepada Peminjam suatu notis yang menyatakan butir-butir lelongan itu termasuklah hasil jualan Cagaran itu.

(7) Pemberi Pinjam hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas lelongan itu, membayar lebih daripada hasil jualan Cagaran itu, jika ada, kepada Peminjam.

(6) Jika Pemberi Pinjam gagal mematuhi subfasal (7), Pemberi Pinjam adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang lebih itu kepada Peminjam berserta dengan ganti rugi jumlah tertentu yang dikira dari hari ke hari pada kadar lapan peratus setahun daripada jumlah wang lebih itu dari tamatnya tempoh tiga puluh hari selepas lelongan itu sehingga tarikh Pemberi Pinjam membayar jumlah wang lebih itu.

(9) Bagi mengelakkan kekeliruan, apa-apa kausa tindakan untuk menuntut ganti rugi jumlah tertentu yang dinyatakan dalam subfasal (8) hendaklah terakru pada tarikh tamatnya tempoh tiga puluh hari selepas lelongan itu.

Pematuhan undang-undang bertulis

6. Pemberi Pinjam hendaklah, berkenaan dengan perniagaan meminjamkan wang, mematuhi peruntukan dan kehendak Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang menyentuh perniagaan itu.

Duti setem dan fi pengakusaksian

7. Semua duti setem dan fi pengakusaksian yang dilakukan berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Peminjam.

Penyampaian dokumen

8. (1) Apa-apa notis, permintaan atau tuntutan yang dikehendaki disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi dalam Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi—

(a) jika ia dihantar oleh pihak itu atau peguam caranya melalui pos A.R. berdaftar yang dialamatkan ke alamat pihak yang satu lagi seperti yang tersebut terdahulu daripada ini dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan sebagai telah diterima apabila tamatnya tempoh lima hari dari pengeposan surat berdaftar demikian; atau

(b) jika ia diberikan oleh pihak itu atau peguam caranya dengan tangan kepada pihak yang satu lagi atau peguam caranya.

(2) Apa-apa perubahan mengenai alamat oleh mana-mana pihak hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang satu lagi.

Jadual

9. Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan hendaklah dibaca, diambil dan diertikan sebagai suatu bahagian yang perlu dalam

Perjanjian ini.

Masa merupakan pati perjanjian

10. Masa hendaklah menjadi pati Perjanjian ini berhubungan dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

Tafsiran

11. Dalam Perjanjian ini jika konteksnya menghendaki sedemikian –

“Cagaran” tidaklah termasuk suatu kad kredit, kad caj, kad mesin juruwang automatik, sijil kelahiran, kad pengenalan atau surat pajak gadai.

Orang-orang yang terikat kepada Perjanjian

12. Perjanjian ini hendaklah mengikat pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Pemberi Pinjam, waris, wakil peribadi, pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Peminjam.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun mula-mula bertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh Peminjam)
yang bernama di atas)
Nama:.....)
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:

DITANDATANGANI oleh)
Pemberi Pinjam yang bernama di atas)
Nama:.....)
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:

Saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya telah menerangkan terma-terma Perjanjian ini kepada Peminjam dan saya mendapati bahawa Peminjam telah memahami sifat dan akibat Perjanjian ini.

.....
(Nama pengakusaksi)
(Peguam bela dan Peguam cara, pegawai Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai
Daerah, Jaksa Pendamai atau orang yang dilantik oleh Menteri)

JADUAL PERTAMA
(yang hendaklah dibaca dan diertikan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

No. Seksyen	Perkara	Butir-butir
1.	Hari dan tahun Perjanjian ini	
2.	Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat, No. Lesen dan alamat Pemberi Pinjam	
3.	Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat dan alamat Peminjam	
4.	Jumlah Wang Pokok ringgit (RM.....)
5.	Kadar faedah	Kadar faedah adalah peratus (.. %) setahun
6.	Tempoh bayaran balikbulan dari tarikh pembayaran Jumlah Wang Pokok
7.	Bilangan bayaran balik ansuran	
8.	Jumlah wang bagi setiap bayaran balik ansuran	
9.	Cara bayaran balik	Bayaran balik yang pertama bermula pada hari ke bulan yang berikutnya selepas tarikh pembayaran Jumlah Wang Pokok

10.	Jumlah wang ansuran bayaran balik terakhir	
11.	Butir-butir Cagaran	
12.	Nilai Cagaran ringgit (RM))

SCHEDULE J

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS (CONTROL AND LICENSING)
REGULATIONS 2003

(Subregulation 10(1))

MONEYLENDING AGREEMENT (UNSECURED LOAN)

AN AGREEMENT made the day and year stated in section 1 of the First Schedule hereto between the moneylender as specified in section 2 of the First Schedule (“the Lender”) of the one part and the borrower as specified in section 3 of the First Schedule (“the Borrower”) of the other part.

WHEREAS the Lender is a licensed moneylender under the Moneylenders Act 1951 hereby agrees to lend the Borrower and the Borrower agrees to borrow from the Lender for the purpose of this agreement a sum of money as specified in section 4 of the First Schedule (“the Principal Sum”).

NOW IT IS AGREED as follows:

Instalment repayment

1. The instalment repayments in this Agreement shall be due and payable without demand the first of which is to be made on the (date of the first repayment) and thereafter on theof each and every subsequent month until the expiration of the said months from the date hereof.

Default

2. (1) If default is made in the repayment upon the due date of any sum of instalment payable to the Lender under this Agreement, whether in respect of principal or interest, the Lender shall be entitled to charge simple interest on the unpaid sum of instalment which shall be calculated at the rate of eight per centum per annum from day to day from the date of default in repayment of the sum of instalment until that sum of instalment is paid, and any interest so charged shall not be reckoned

for the purposes of this Agreement as part of the interest charged in respect of the loan.

(2) The interest shall be calculated in accordance with the following formula:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

where,

R represents sum of interest to be paid.

D represents the number of days in default.

S represents the sum of monthly instalment which is overdue.

Right of action

3. (1) If the Borrower –
- (a) fails to repay any sum of instalment payable or any part thereof and any interest payable under section 5 of the First Schedule for any period in excess of twenty eight days after its due date; or
 - (b) commits an act of bankruptcy or enters into any composition or arrangement with his creditors or, being a company, enters into liquidation, whether compulsory or voluntary,

the Lender may terminate this Agreement.

(2) Upon the occurrence of any of the events specified in subclause (1) herein, the Lender shall give the Borrower not less than fourteen days notice in writing to treat this Agreement as having been repudiated by the Borrower and unless in the meanwhile such default alleged is rectified or such unpaid sum of instalment and interest are paid, this Agreement shall at the expiry of the said notice, at the option of the Lender be deemed to be annulled.

(3) In the event this Agreement has been terminated or annulled, the Lender may claim the balance outstanding from the Borrower in accordance with the provisions under Order 45 of the Subordinate Court Rules 1990 [*P.U.(A) 97/1990*] in case the balance outstanding does not exceed two hundred and fifty thousand ringgit or Order 79 of the Rules of the High Court 1980 [*P.U.(A) 50/1980*] in case the balance outstanding is higher than two hundred and fifty thousand ringgit.

Compliance with written law

4. The Lender shall, in relation to the moneylending business, conform to the provisions and requirements of the Moneylenders Act 1951 and any written law for the time being in force affecting the business.

Stamp duties and attestation fees

5. All stamp duties and attestation fees incurred in connection with this Agreement shall be borne by the Borrower.

Service of documents

6. (1) Any notice, request or demand required to be served by either party hereto to the other under this Agreement shall be in writing and shall be deemed to be sufficiently served -

(a) if it is sent by the party or his solicitors by A.R. registered post addressed to the other party's address hereinbefore mentioned and in such case it shall be deemed to have been received upon the expiry of a period of five days of posting of such registered letter; or

(b) if it is given by the party or his solicitors by hand to the other party or his solicitors.

(2) Any change of address by either party shall be communicated to the other.

Schedules

7. The Schedule hereto shall form part of this Agreement and shall be read, taken and construed as an essential part of this Agreement.

Time essence of Agreement

8. Time shall be the essence of the Agreement in relation to all provisions of this Agreement.

Persons to be bound by Agreement

9. This Agreement shall be binding upon the successors in title and permitted assigns of the Lender, the heirs, personal representatives, successors in title and permitted assigns of the Borrower.

IN WITNESS WHEREOF the parties hereto have hereunto set their hands the day and year first above written.

SIGNED by the abovenamed)
Borrower)
Name:.....)
I.C./Co. Reg. No.:.....)

SIGNED by the abovenamed)
Lender)
Name:.....)
I.C./Co. Reg. No.:.....)

I, do solemnly and sincerely declare that I have explained the terms of this Agreement to the Borrower and it appears to me that the Borrower has understood the nature and consequence of this Agreement.

.....

(Name of the attestor)

(Advocate and Solicitor, officer of the Judicial and
Legal Service, Commissioner for Oaths, District Officer,
Justice of the Peace or person appointed by the Minister)

THE FIRST SCHEDULE
 (which is to be read and construed
 as an integral part of this Agreement)

Section No.	Item	Particulars
1.	The day and year of this Agreement	
2.	Name, I.C. No., Company Registration No., Licence No. and address of the Lender	
3.	Name, I.C. No., Company Registration No. and address of the Borrower	
4.	Principal Sum ringgit (RM)
5.	Interest rate	The rate of interest is at per centum (%) per annum.
6.	Amount of each instalment repayment	
7.	Amount of final instalment repayment	

SCHEDULE K

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS (CONTROL AND LICENSING)
REGULATIONS 2003

(Subregulation 10(1))

MONEYLENDING AGREEMENT (SECURED LOAN)

AN AGREEMENT made the day and year stated in section 1 of the First Schedule hereto between the moneylender as specified in section 2 of the First Schedule (“the Lender”) of the one part and the borrower as specified in section 3 of the First Schedule (“the Borrower”) of the other part.

WHEREAS the Lender is a licensed moneylender under the Moneylenders Act 1951 hereby agrees to lend the Borrower and the Borrower agrees to borrow from the Lender for the purpose of this agreement a sum of money as specified in section 4 of the First Schedule (“the Principal Sum”).

NOW IT IS AGREED as follows:

Instalment repayment

1. The instalment repayments in this Agreement shall be due and payable without demand the first of which is to be made on the (date of the first repayment) and thereafter on theof each and every subsequent month until the expiration of the said months from the date hereof.

Default

2. (1) If default is made in the repayment upon the due date of any sum of instalment payable to the Lender under this Agreement, whether in respect of principal or interest, the Lender shall be entitled to charge simple interest on the unpaid sum of instalment which shall be calculated at the rate of eight per centum per annum from day to day from the date of default in repayment of the sum of instalment until that sum of instalment is paid, and any interest so charged shall not be reckoned

for the purposes of this Agreement as part of the interest charged in respect of the loan.

(2) The interest shall be calculated in accordance with the following formula:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

where,

R represents sum of interest to be paid.

D represents the number of days in default.

S represents the sum of monthly instalment which is overdue.

Security

3. In consideration of this Agreement the Borrower agrees to lodge with the Lender the security as specified in Section 11 of the First Schedule ('the Security') and the Security shall be for the duration of the repayment.

Lender's responsibility with regard to Security

4. (1) The Lender shall exercise the same care and diligence in the custody of the Security as a prudent owner will exercise in the custody of his own property.

(2) The Lender shall be responsible for the loss of any Security, whether such loss is caused by fire, theft, negligence or otherwise and shall also be responsible for the damage to the Security caused by fire, theft, negligence or otherwise.

(3) In the case of any security destroyed or damaged by fire the value of the Security shall, for the purposes of the compensation to the borrower, be assumed to be one quarter more than the value of the Security so lodged.

(4) The Lender shall not encumber the Security for whatever purpose.

Right of action

5. (1) If the Borrower –
- (a) fails to repay any sum of instalment payable or any part thereof and any interest payable specified in Section 5 of the First Schedule for any period in excess of twenty eight days after its due date; or
 - (b) commits an act of bankruptcy or enters into any composition or arrangement with his creditors or, being a company, enters into liquidation, whether compulsory or voluntary,

the Lender may terminate this Agreement.

(2) Upon the occurrence of any of the events specified in subclause (1) herein, the Lender shall give the Borrower not less than fourteen days a written notice to treat this Agreement as having been repudiated by the Borrower and unless in the meanwhile such default alleged is rectified or such unpaid sum of instalment and interest are paid, this Agreement shall at the expiry of the said notice, at the option of the Lender be deemed to be annulled.

(3) In the event this Agreement has been terminated or annulled, the Lender may claim the balance outstanding from the Borrower in accordance with the provisions under Order 45 of the Subordinate Court Rules 1990 [*P.U. (A) 97/1990*] in case the balance outstanding does not exceed two hundred and fifty thousand ringgit or Order 79 of the Rules of the High Court 1980 [*P.U. (A) 50/1980*] in case the balance outstanding is higher than two hundred and fifty thousand ringgit.

(4) Notwithstanding subclause (3) herein, the Lender shall be entitled to deal with the Security for the purpose of claiming the balance outstanding from the Borrower as follows:

- (a) where the Security is an immovable property, the property shall be dealt with as provided for under Order 83 of the Rules of the High Court 1980; or

(b) where the Security is a movable property, the Lender shall be at liberty to dispose of the security by auction to be conducted by a licensed auctioneer.

(5) The Lender may bid for and purchase the Security lodged with him at the auction and on such purchase he shall be deemed to be the rightful owner of the Security.

(6) Where the Security is auctioned, the Lender shall, within seven days after the auction, forward to the Borrower a notice stating the particulars of the auction including the proceeds of sale of the Security.

(7) The Lender shall, within thirty days after the auction, pay the surplus from the proceeds of sale of the Security, if any, to the Borrower.

(8) In the event the Lender fails to comply with subclause (7) herein, the Lender shall be liable to pay the surplus sum to the Borrower together with liquidated damages calculated from day to day at the rate of eight per centum per annum of the surplus sum from the expiry of thirty days after the auction until the date the Lender pays the surplus sum.

(9) For the avoidance of doubt, any cause of action to claim the liquidated damages specified in subclause (8) shall accrue on the expiry of thirty days after the auction.

Compliance with written law

6. The Lender shall, in relation to the moneylending business, conform to the provisions and requirements of the Moneylenders Act 1951 and any written law for the time being in force affecting the business.

Stamp duties and attestation fees

7. All stamp duties and attestation fees incurred in connection with this Agreement shall be borne by the Borrower.

Service of documents

8. (1) Any notice, request or demand required to be served by either party hereto to the other under this Agreement shall be in writing and shall be deemed to be sufficiently served -

(a) if it is sent by the party or his solicitors by A.R. registered post addressed to the other party's address hereinbefore mentioned and in such case it shall be deemed to have been received upon the expiry of a period of five days of posting of such registered letter; or

(b) if it is given by the party or his solicitors by hand to the other party or his solicitors.

(2) Any change of address by either party shall be communicated to the other.

Schedules

9. The Schedule hereto shall form part of this Agreement and shall be read, taken and construed as an essential part of this Agreement.

Time essence of Agreement

10. Time shall be the essence of the Agreement in relation to all provisions of this Agreement.

Interpretation

11. In this Agreement, where the context so admits –

“Security” does not include a credit card, charge card, auto teller machine card, birth certificate, identification card or pawn ticket.

Persons to be bound by Agreement

12. This Agreement shall be binding upon the successors in title and permitted assigns of the Lender, the heirs, personal representatives, successors in title and permitted assigns of the Borrower.

IN WITNESS WHEREOF the parties hereto have hereunto set their hands the day and year first above written.

SIGNED by the abovenamed)
Borrower)
Name:.....)
I.C. No./Company Registration No.:.....)

SIGNED by the abovenamed)
Lender)
Name:.....)
I.C. No./Company Registration No.:.....)

I, do solemnly and sincerely declare that I have explained the terms of this Agreement to the Borrower and it appears to me that the Borrower has understood the nature and consequence of this Agreement.

.....
(Name of the attestor)
(Advocate and Solicitor, officer of the Judicial and
Legal Service, Commissioner for Oaths, District Officer,
Justice of the Peace or person appointed by the Minister)

THE FIRST SCHEDULE
(which is to be taken read and construed
as an integral part of this Agreement)

Section No.	Item	Particulars
1.	The day and year of this Agreement	
2.	Name, I.C. No., Company Registration No., Licence No. and address of the Lender	
3.	Name, I.C. No., Company Registration No. and address of the Borrower	
4.	Principal Sum ringgit (RM)
5.	Interest rate	The rate of interest is at per centum (%) per annum.
6.	Duration of repayment months from the date of disbursement of the Principal Sum.
7.	Number of instalment repayments	
8.	Amount of each instalment repayment	
9.	Mode of repayment	The first instalment to commence on theday of the month following the date of disbursement of the Principal Sum

10.	Amount of final instalment repayment	
11.	Particulars of the Security	
12.	The value of the Security ringgit (RM)